

**PEMBIAYAAN MIKRO DALAM KALANGAN
USAHAWAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT
SELANGOR (LZS)**

MUHAMMAD ANAS IBRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PEMBIAYAAN MIKRO DALAM KALANGAN
USAHAWAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT
SELANGOR (LZS)**

oleh

MUHAMMAD ANAS IBRAHIM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2018

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah yang merupakan Tuhan sekalian alam. Yang mengajari dengan ilmu-Nya, dengan ilmu-Nya dipelajari oleh manusia daripada yang tidak diketahui dan memberikan kepada manusia pengetahuan daripada kejahilan. Selawat dan Salam buat junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW. Sekali lagi pujian ku ke hadrat Allah SWT di atas keizinan-Nya kajian serta penulisan tesis ini dapat diselesaikan.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia, Dr. Zahri Hamat dan Prof. Madya Dr. Nor Malina Malek serta penyelia bersama, Dr. Mohd Shukri Hanapi yang selalu memberi inspirasi, bimbingan, tunjuk ajar, input serta semangat dan galakan sepanjang proses penghasilan tesis ini.

Penyelidik mengucapkan berbilang terima kasih kepada Prof. Dr. Azlinda Azman, Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Prof. Madya Dr. Azrina Husin, Timbalan Dekan (Akademik, Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh merupakan Pengarah Pusat Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) serta pensyarah-pensyarah ISDEV. Semoga tunjuk ajar dan didikan ikhlas yang telah dicurahkan mendapat ganjaran yang tinggi di sisi Allah SWT.

Penghargaan juga dirakamkan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) atas kerjasama dan maklumat yang disalurkan bagi menjayakan kajian ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani Haji Zakari (Mufti Negeri Perak), Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri (Mufti Wilayah Persekutuan), Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Haji Wan Salim Wan Mohd Nor (Mufti Negeri Pulau Pinang), Dr. Hussain Hussain Syhatah (Pensyarah Universiti al-Azhar), Dr. Raziah Md Tahir (Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia), Dr. Mohd Sollehudin Shuib (Ketua Jabatan, Muamalat dan Halal Universiti Utara Malaysia), Prof. Madya Dr. Patmawati Ibrahim (Pensyarah Kanan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), Dr. Hairunnizam Wahid (Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan (Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr. Mahyuddin Hj. Abu Bakar (Pensyarah Kanan, Universiti Utara Malaysia), Ustaz Tajul Urus Abdul Halim (Penolong Mufti dan Ketua Unit Instinbat, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan), Ustaz Mohammad Farid Mohammad Zainal (Eksekutif Syariah, LZS), Puan Fasiah Mat Radzi (Pengurus Sektor Pembangunan Usahawan, TERAS), Encik Nor Azhar Othman (Pengurus Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia, TERAS), Encik Muhammad Izuan Sulaiman (Eksekutif Pengurus Pendidikan, LZS) dan 20 usahawan asnaf di negeri Selangor.

Jutaan terima kasih juga kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) di Universiti Sains Malaysia atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses kajian ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia di atas peluang dan bantuan kewangan yang telah diberikan.

Penghargaan teristimewa buat ayahanda Ibrahim Salleh, bonda Norhayati Md Noor, isteri Siti Fatimah Mad Yatim serta seisi keluarga di atas doa dan restu, sokongan juga dorongan di sepanjang proses penghasilan disertasi ini. Tidak lupa juga buat sahabat handai, rakan dan taulan yang memberi sokongan dan bantuan kepada penyelidik.

Akhir kata, Jutaan terima kasih kepada semua yang berbudi sepanjang tempoh pengajian lepasan siswazah ini serta semua pihak yang terlibat dalam menyempurnakan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak. Hanya Allah jua yang mampu membalas jasa yang telah dihulurkan. Semoga berharap tesis ini dapat memberikan sumbangan dalam memperkasakan syiar agama Islam Tercinta.

*Musafir Syafie ke Bumi Medina,
Pergi bersama harapan dan keinginan
Sepatah nasihat ilmu yang berguna,
Secubit budi jadi jasa dan kenangan.*

Muhammad Anas Ibrahim
29 April 2018

Universiti Sains Malaysia

SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan	xiii
Panduan Transliterasi	xv
Abstrak	xvi
Abstract	xviii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Definisi Operasional	14
	1.6.1 Pembiayaan Mikro	14
	1.6.2 Usahawan Asnaf	15
	1.6.3 Dana Zakat.....	16
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Organisasi Tesis.....	20

BAB 2: SOROTAN KARYA

2.1	Pendahuluan.....	22
	2.2.1 Definisi Pembangunan	22
	2.2.2 Pembasmian Kemiskinan	25
	2.2.3 Zakat Sebagai Mekanisme Membasmi Kemiskinan	27

2.2.4	Program Usahawan Asnaf Yang Terdapat Di Lembaga Zakat	
	Selangor.....	29
2.2.4(a)	Usahawan Asnaf Lori Bergerak.....	29
2.2.4(b)	Usahawan Asnaf Jahitan.....	30
2.2.4(c)	Usahawan Asnaf Edar	30
2.2.4(d)	Usahawan Asnaf Burger.....	31
2.2.4(e)	Usahawan Asnaf Gas Lpg	31
2.2.4(f)	Usahawan Asnaf Pasar Rakyat.....	32
2.2.4(g)	Usahawan Asnaf Kraf.....	32
2.2.4(h)	Usahawan Asnaf Mybidan	33
2.2.5	Golongan Yang Berhak Menerima Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat	33
2.2.6	Agihan Zakat Sara Diri.....	36
2.2.7	Agihan Zakat Produktif Melalui Pembiayaan Mikro	38
2.2.7(a)	Definisi Pembiayaan Mikro	41
2.2.7(b)	Amalan Pembiayaan Mikro Sebagai Bantuan Modal Golongan Usahawan Kecil.....	43
2.2.7(c)	Hukum Pembiayaan Mikro Kredit Daripada Dana Zakat.....	45
2.2.7(c)(i)	Hukum Pembiayaan Mikro Di Negara Algeria, Sudan Dan Wilayah Aceh	46
2.2.7(c)(ii)	Hukum Pembiayaan Mikro Di Malaysia	47
2.2.7(c)(iii)	Hukum Pembiayaan Mikro Berdasarkan Kepada <i>Nas</i> Al-Qur'an Dan Kaedah <i>Feqh</i>	48
2.2.8	Maqasid Syariah Dalam Pembiayaan Mikro.....	50
2.2.9	Kaedah Pembiayaan Mikro Dalam Perspektif Islam.....	53
2.3	Kerangka Konseptual Kajian	57
2.4	Kesimpulan	60

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pendahuluan.....	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	63
3.3.1	Pengumpulan Data Primer.....	63
3.3.1(a)	Kaedah Pensampelan	64
3.3.1(b)	Pemilihan Lokasi Lembaga Zakat Selangor.....	64
3.3.1(c)	Pemilihan Responden Kumpulan Pertama	65
3.3.1(c)(i)	Tokoh Agama	66
3.3.1(c)(ii)	Ahli Akademik	67
3.3.1(c)(iii)	Pengamal Zakat	68
3.3.1(d)	Pemilihan Responden Kumpulan Kedua.....	69
3.3.1(e)	Instrumen Kajian	71
3.3.1(f)	Kajian Rintis	72
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder	73
3.4	Kaedah Penganalisan Data	74
3.4.1	Penganalisan Data Primer.....	75
3.4.2	Penganalisan Data Sekunder.....	76
3.5	Prosedur Kaedah Penyelidikan	78
3.6	Kesimpulan	79

BAB 4: PANDANGAN CENDEKIAWAN ZAKAT TERHADAP PEMBIAYAAN MIKRO DARIPADA DANA ZAKAT

4.1	Pendahuluan.....	80
4.2	Agihan Zakat Dalam Bentuk Produktif	80
4.3	Hukum Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat.....	84
4.3.1	Pandangan Cendekiawan Terhadap Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat	85
4.4	Sumber Pembiayaan Mikro Kepada Usahawan Asnaf	99
4.5	Kontrak Pembiayaan Mikro Yang Bersesuaian Kepada Usahawan Asnaf.....	103
4.5.1	Akad Murabahah	104

	4.5.2 Akad Qardu Hassan.....	108
	4.5.3 Akad Mudharabah.....	110
4.6	Kelebihan Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat Kepada Usahawan Asnaf Terhadap Pembiayaan Konvensional.....	111
4.7	Kesimpulan.....	114

BAB 5: PANDANGAN KESEDIAAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR DAN USAHAWAN ASNAF TERHADAP PEMBIAYAAN MIKRO

5.1	Pendahuluan.....	116
5.2	Latar Belakang Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dan Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS)	116
	5.2.1 Lembaga Zakat Selangor.....	118
	5.2.2 Teraju Usahawan Asnaf (TERAS).....	119
	5.2.3 Kutipan Dan Agihan Zakat Di Lembaga Zakat Selangor	120
	5.2.4 Taburan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Setiap Daerah	122
	5.2.5 Bilangan Usahawan Asnaf Mengikut Kepada Pecahan Kawasan Daerah	124
	5.2.6 Analisis Usahawan Asnaf Mengikut Daerah Di Negeri Selangor.....	125
5.3	Kesediaan Lembaga Zakat Selangor Terhadap Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat	126
	5.3.1 Pandangan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor Terhadap Agihan Zakat Kepada Fakir Miskin Dan Mualaf.....	126
	5.3.1(a) Pandangan Lembaga Zakat Selangor Terhadap Pembiayaan Mikro	130
	5.3.2 Kaedah Bantuan Modal Oleh Lembaga Zakat Selangor	132
	5.3.2(a) Dana Zakat Untuk Fakir Dan Miskin Dalam Pembangunan Ekonomi.....	136
	5.3.2(b) Tenaga Kerja	140
	5.3.2(c) Kontrak Dalam Pembiayaan Mikro	141
	5.3.2(d) Sektor-Sektor Yang Boleh Dilaksanakan	142

	5.3.3	Agihan Zakat Produktif Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Kepada Usahawan Asnaf.....	144
5.4		Kesediaan Usahawan Asnaf Terhadap Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat.....	147
	5.4.1	Profil Usahawan Asnaf Di Negeri Selangor	147
	5.4.2	Masalah Kewangan Yang Dihadapi Oleh Usahawan Asnaf.....	152
	5.4.3	Kesediaan Usahawan Asnaf Terhadap Pembiayaan Mikro	155
	5.4.4	Kontrak Pembiayaan Mikro Di Antara Usahawan Asnaf Dengan Pihak LZS.....	159
5.5		Kesimpulan	161

BAB 6: MEKANISME PELAKSANAAN PEMBIAYAAN MIKRO USAHAWAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

6.1		Pendahuluan.....	163
6.2		Pandangan Cendekiawan Zakat Dan Usahawan Asnaf Terhadap Kriteria Pemilihan Penerima Pembiayaan Mikro	164
6.3		Pembentukan Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat Di Institusi Zakat Negeri	167
	6.3.1	Sektor Yang Diberikan Keutamaan Daripada Pembiayaan Mikro.....	168
	6.3.2	Golongan Asnaf Yang Diutamakan	169
	6.3.3	Aplikasi Pembiayaan Mikro Dalam Institusi Zakat Negeri	171
	6.3.4	Kursus, Latihan, Dan Pemantauan Perkembangan Usahawan Asnaf	172
	6.3.5	Tenaga Kerja Dalam Menguruskan Pembiayaan Mikro	175
6.4		Kaedah Kutipan Semula Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat...	178
6.5		Kontrak Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat.....	180
	6.5.1	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Baie' Al-Sallam</i>	184
	6.5.2	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Al-Istisna'</i>	185
	6.5.3	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Al-Ijarah Wa Al-Ijarah Al-Muntahiyah</i>	186
	6.5.4	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad Mudarabah.....	186
	6.5.5	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Murabahah</i>	187

6.5.6	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Al-Sadaqah</i> <i>Al-Tatowu'</i>	187
6.5.7	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Qard Hassan</i>	188
6.5.8	Pembiayaan Mikro Kredit Melalui Akad <i>Musyarakah</i> <i>Mutanaqisah</i>	188
6.6	Kesimpulan	189

BAB 7: PENUTUP

7.1	Pendahuluan.....	190
7.2	Rumusan Dapatan Utama Kajian.....	190
7.3	Implikasi Kajian.....	195
	7.3.1 Usahawan Asnaf.....	195
	7.3.2 Kerajaan	196
7.4	Sumbangan Kajian.....	197
7.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	197
7.6	Kesimpulan	198

BIBLIOGRAFI	200
--------------------------	-----

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Kutipan Zakat di Malaysia	5
Jadual 1.2	Statistik Kutipan dan Agihan Zakat Harta dan Fitrah di Negeri Selangor	9
Jadual 3.1	Senarai responden Tokoh Agama	66
Jadual 3.2	Senarai Responden Ahli Akademik	68
Jadual 3.3	Senarai Responden Pengamal Zakat	69
Jadual 3.4	Pecahan Jenis Perniagaan Usahawan Asnaf	70
Jadual 3.5	Senarai Responden Usahawan Asnaf	71
Jadual 3.6	Ringkasan Analisis Data Mengikut Objektif dan Persoalan Kajian	77
Jadual 4.1	Pandangan Cendekiawan Zakat Terhadap Pembiayaan Mikro Daripada Dana Zakat	86
Jadual 4.2	Pandangan Cendekiawan Zakat Terhadap Sumber Pembiayaan Mikro	99
Jadual 4.3	Statistik Sumber Am Baitul Mal di Negeri Selangor	101
Jadual 5.1	Statistik Kutipan dan Agihan Zakat Harta dan Fitrah di Negeri Selangor	121
Jadual 5.2	Pecahan Agihan Zakat Mengikut Jenis	122
Jadual 5.3	Keluarga Asnaf Fakir Dan Miskin Mengikut Daerah Bagi 2015	123

Jadual 5.4	Usahawan Asnaf Mengikut Daerah Bagi 2017	124
Jadual 5.5	Usahawan Asnaf Mengikut Daerah Bagi 2017	125
Jadual 5.6	Usahawan Asnaf berdasarkan Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan	148
Jadual 5.7	Responden Mengikut Tahap Pendidikan	149
Jadual 5.8	Responden Mengikut Sumber Kewangan	149
Jadual 5.9	Responden Mengikut Jenis Perniagaan	150
Jadual 5.10	Responden Mengikut Kaedah Operasi Perniagaan	150
Jadual 5.11	Responden Mengikut Tempoh Perniagaan	151
Jadual 5.12	Responden Mengikut Keuntungan Bulanan	151
Jadual 6.1	Pandangan Terhadap Kriteria Pemilihan Penerima Pembiayaan Mikro	164

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	59
Rajah 3.1	Prosedur Kaedah Penyelidikan	78
Rajah 4.1	Prosedur Pelaksanaan Kontrak <i>Murabahah</i>	107

SENARAI SINGKATAN

AS	<i>Ailaihi Sallam</i>
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
BMMI	Bank Mal Muamalat Indonesia
Bil.	Bilangan
DAM	Dana Asnaf Fakir, Miskin dan Mualaf
h	Hijrah
hlm.	Halaman
JAWHAR	Jabatan Awqaf, Haji dan Zakat
Jil.	Jilid
KUMMM	Komunitas Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid
KUAZ	Kumpulan Usahawan Asnaf Zakat
LZS	Lembaga Zakat Selangor
m	Masihi
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

No.	Nombor
PPUZ	Pusat Pembangunan Usahawan Asnaf Selangor
RA	<i>Radiyallaahu ‘anhu</i>
SAW	<i>Sallallahu ‘Alayhi Wasallam</i>
SWT	<i>Subhanallahu Wa Ta‘ala</i>
t.t	Tanpa Tahun
TEKUN	Yayasan Tekun Nasional
TERAS	Teraju Usahawan Asnaf
TUAS	Transformasi Usahawan Asnaf
Vol.	Volume

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
t	ط	-	ا
z	ظ	b	ب
'	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
'	ء	sy	ش
y	ي	s	ص
ṭ	ة	d	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	َ	a		ay	أَيَّ
i	ِ	i	إِيَّ	aw	أَوَّ
u	ُ	u	أُوَّ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

PEMBIAYAAN MIKRO DALAM KALANGAN USAHAWAN ASNAF DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor. Pertumbuhan usahawan asnaf semakin memberangsangkan namun kesukaran mendapatkan pembiayaan modal tambahan daripada institusi kewangan di Malaysia merupakan kekangan bagi mereka. Pembiayaan konvensional yang sedia ada berunsurkan ribaserta dikenakan cagaran atau jaminan. Oleh itu, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti pandangan cendekiawan zakat Malaysia terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kedua, menganalisis kesediaan usahawan asnaf dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terhadap agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro. Ketiga, merumuskan mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Bagi mencapai objektif tersebut, reka bentuk kajian ini adalah kajian kes. Kajian ini menggunakan dua data iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh daripada kajian perpustakaan. Data primer pula diperoleh melalui temu bual mendalam di lapangan dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan. Seramai 35 responden temu bual terlibat yang terdiri daripada tokoh agama, ahli akademik, pengamal zakat dan usahawan asnaf. Data tersebut dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mempamerkan yang pertama, pembiayaan mikro daripada dana zakat adalah berdasarkan *nas* al-Qur'an, Hadith dan *ahtar*. Pembiayaan mikro adalah harus mengikut kepada *masalahah* dan kaedah fiqh. Kedua, kajian mendapati Lembaga Zakat Selangor dan usahawan asnaf mempunyai kesediaan dalam pembiayaan mikro daripada dana zakat, pengurusan dan tenaga kerja. Ketiga, dapatan kajian mempamerkan mekanisme

pelaksanaan pembiayaan mikro daripada dana zakat, pengurusan dan sumber manusia. Hasil kajian ini memberikan dua implikasi utama. Pertama, penekanan terhadap pembiayaan mikro yang bebas daripada unsur riba kepada usahawan asnaf. Kedua, pihak kerajaan mampu membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat dengan mewujudkan pembiayaan mikro daripada dana zakat.

**MICRO FINANCING AMONG ASNAF ENTREPRENEURS IN SELANGOR
ZAKAT BOARD (LZS)**

ABSTRACT

This study aims to analyze microfinance among *asnaf* entrepreneurs at the Selangor Zakat Board. The growth of *asnaf* entrepreneurs is increasingly encouraging but the difficulty in obtaining additional capital financing from financial institutions in Malaysia is a barrier to them. Existing conventional financing has *riba* element within it and applicants are imposed with mortgage and security as credit guarantee. Therefore, this study has three objectives. First, to identify the views of Malaysian zakat scholars on microfinance among *asnaf* entrepreneurs at the Selangor Zakat Board (LZS). Secondly, to analyze the willingness of *asnaf* entrepreneurs and the Selangor Zakat Board (LZS) on the distribution of zakat in the form of micro financing. Third, to summarize the implementation mechanism of micro financing to *asnaf* entrepreneurs at the Selangor Zakat Board (LZS). To achieve these objectives, this study employs a case study approach as the research design. This study uses two data, secondary data and primary data. Secondary data were obtained from library studies. Primary data is also obtained through in-depth interviews in the field using purposive sampling techniques. A total of 35 respondents interviewed consisted of religious leaders, academics, zakat practitioners and *asnaf* entrepreneurs. The data was analyzed using content analysis method. The findings of this study firstly shows that microfinance from zakat funds are based on the Qur'an, Hadith and *ahtar*. Microfinance has to follow the *maslahah* and *fiqh* methods accordingly. Secondly, the study found that the Selangor Zakat Board and *asnaf* entrepreneurs demonstrate preparedness in microfinance from zakat funds, management and human resource. Thirdly, the findings showcase the mechanism of

implementation of microfinance from zakat funds, management and human resources. The results of this study provide two main implications. First, the emphasis on microfinance that is free from *riba* element to *asnaf* entrepreneurs. Secondly, the government is able to eradicate poverty among the people by establishing microfinancing from zakat funds.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan mengkaji pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor. Secara khususnya, kajian ini mengenal pasti pandangan cendekiawan zakat terhadap pembiayaan tersebut. Seterusnya, menganalisis kesediaan usahawan asnaf dan Lembaga Zakat Selangor terhadap pembiayaan mikro daripada dana zakat. Selanjutnya, merumuskan mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro di institusi zakat di Malaysia. Selain itu, kajian yang dilakukan ini melibatkan pandangan Tokoh Agama, Ahli Akademik, Pengamal Zakat dan usahawan asnaf terhadap kesediaan melakukan pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor.

Sebagai pengenalan kajian, bab ini akan mefokuskan kepada perbincangan latar belakang kajian, kemudian pernyataan masalah dan seterusnya tentang objektif kajian. Ini diikuti dengan menyatakan persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional dan akhirnya organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pensyariatatan dalam Islam berkaitan ibadah kepada manusia adalah berdasarkan daripada al-Qur'an dan dijelaskan secara terperinci oleh Hadith (Hussain Hussain Syahatah,

1990). Antara pensyariatannya tersebut berkaitan dengan ibadah zakat berdasarkan kepada beberapa ayat al-Qur'an:

“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka, dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui” (Surah at-Taubah: 103)

Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an menjelaskan bahawa zakat merupakan satu ibadah yang mempunyai *tazkiyah* (penyucian) jiwa, membersihkan harta dan menghubungkan di antara masyarakat (Yusuf al-Qardawi, 2003). Oleh itu, orang yang mengeluarkan hartanya akan membersihkan jiwanya daripada sifat kedekut, tamak dan cintakan harta. Ayat al-Qur'an seterusnya:

“Jika mereka bertaubat, mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka (mereka itu) adalah saudara-saudaramu seagama. Dan Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi kaum yang mengetahui” (Surah at-Taubah: 11)

Menurut Imam al-Syaukani (2007), ayat ini menjelaskan bahawa orang yang mengeluarkan zakat adalah di haram darahnya daripada diperangi. Hal ini, menunjukkan, bahawa ibadah zakat sesuatu yang sangat ditekankan sehingga apabila orang yang enggan mengeluarkan zakat akan diperangi ketika era pemerintahan Sayidina Abu Bakar RA (Hussain Hussain Syahatah, 1990). Zakat yang dikeluarkan diagih kepada lapan golongan seperti dijelaskan dalam al-Qur'an:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan

orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (al-Taubah 9:60)

Dalil daripada surah at-Taubah ayat 60 ini menunjukkan hak yang terdapat dalam dana zakat ialah Pertama, faqir¹, kedua, miskin², ketiga, ‘*amil* iaitu orang yang dilantik untuk memungut dan menguruskan zakat, keempat, *mu'allaf* iaitu seseorang yang hatinya cenderung atau baru memeluk Islam, kelima, *riqab* iaitu hamba yang akan dimerdekakan tetapi tidak mencukupi wang tebusan, keenam, *gharimin* iaitu orang yang tidak mampu menjelaskan hutang, ketujuh, *fisabilillah* iaitu orang berjuang pada jalan Allah, kelapan, *ibnu sabil* merupakan para musafir yang kehabisan bekalan atau musafir yang ingin memulakan perjalanannya (Husain Husain Syahatah, 1994). Oleh itu, membantu golongan asnaf untuk mengeluarkan mereka daripada asnaf perlu diagihkan sehingga mencukupi keperluan hidup (Abu Ubayd, 1981).

Hadith turut menyokong berkaitan kewajipan zakat apabila Nabi SAW telah memberi tahu kepada Sayidina Muaz tentang kewajipan zakat yang diambil daripada orang yang kaya dan diberikan kepada orang yang miskin. Hal ini, seperti dinyatakan dalam Hadith seperti berikut:

Daripada Ibnu Abbas Ra huma: Bahasanya Nabi SAW telah mengutuskan Muaz ke Yaman- maka telah dalam sebuah Hadith- an padanya (Bahawasanya Allah telah memfardukan ke atas mereka Zakat yang diambil daripada harta orang-orang kaya dalam kalangan mereka, dan dikembalikan kepada orang-orang dalam kalangan mereka)” (Bukhari no.1485).

¹ Menurut pandangan Imam Ahmad Ibn Hanbal golongan fakir merupakan mereka yang tidak mempunyai harta atau tidak mencukupi separuh daripada keperluan (Husain Husain Syahatah, 1994).

² Menurut pandangan daripada ulama mazhab syafei adalah golongan yang tidak mencukupi keperluan mereka yang diibaratkan seperti jika memerlukan sepuluh hajat tetapi yang dapat hanyalah tujuh sahaja (Yusuf al-Qardawi, 2003).

Penjelasan daripada Hadith yang di atas adalah dalil yang kuat tentang pensyariatian mengeluarkan zakat. Namun, jelasnya di sini adalah harta yang di ambil daripada orang yang kaya diberikan kepada orang yang fakir dan miskin.

Hal ini, menjadikan zakat sebagai nadi utama dalam membangunkan masyarakat untuk melengkap keperluan dalam kehidupan. Ia adalah alat atau mekanisme dalam kestabilan ekonomi Islam apabila dapat merapatkan jurang di antara golongan yang kaya dan miskin. Hal ini, turut memantapkan lagi keadilan sosial ekonomi dalam kalangan masyarakat (Patmawati, Ibrahim, 2007). Turut diperkukuhkan kepada empat tujuan iaitu yang pertama, menyelesaikan masalah kemiskinan. Kedua, membina keadilan sosial. Ketiga, membangunkan masyarakat berdasarkan tolong-menolong, setia kawan dan mahabbah. Keempat, menghakis perasaan benci, dengki dan dendam yang terdapat kepada golongan yang kurang berkeupayaan (Musa Ahmad et al., 2006).

Zakat merupakan instrumen semula jadi yang membantu keseimbangan pendapatan negara. Iaitu melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin. Menolong golongan miskin adalah kewajipan golongan kaya kerana daripada hartanya ada hak orang yang memerlukan (Zarina Kadri et al., 2012).

Selain itu, tahap pengurusan institusi zakat dilihat semakin mempamerkan kualiti perkhidmatan yang profesional dan disegani oleh banyak pihak (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Hal ini, memberikan impak kepada umat Islam di Malaysia memberikan kepercayaan kepada, institusi zakat dengan menyalurkan zakat kepada golongan asnaf. Kesannya, hasil kutipan zakat meningkat di setiap institusi zakat pada setiap tahun dan keprihatinan dalam menunaikan kewajipan zakat semakin disedari (Mohamad Kamil Ab. Majid, 2009). Ini berdasarkan statistik kutipan zakat di seluruh Malaysia dipamerkan dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Statistik Kutipan Zakat di Malaysia

Negeri	2015 (Juta)	2014 (Juta)	Peratusan Peningkatan (%)
Johor	239.9	211.2	14
Kedah	134.0	128.4	4
Kelantan	161.9	133.3	21
Melaka	66.0	58.3	13
Negeri Sembilan	95.2	88.2	8
Pahang	118.1	109.3	8
Pulau Pinang	92.8	87.9	6
Perak	132.6	114.6	16
Selangor	627.2	582.1	8
Terengganu	126.6	120.1	5
Sabah	61.8	52.8	17
Sarawak	68.6	67.3	2

Sumber: JAWHAR, 2017

Berdasarkan Jadual 1.1 menjelaskan peningkatan kutipan di 12 institusi zakat negeri yang bermula pada tahun 2014 hingga 2015. Pertama, pungutan zakat meningkat di mana paling rendah ialah Sarawak dan paling tinggi ialah Kelantan. Majoriti negeri meningkat sebanyak 8% iaitu Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor. Hal ini, di atas kepercayaan kepada institusi zakat akan bertambah apabila dapat dibuktikan dengan menyelesaikan masalah besar umat Islam khususnya di Malaysia (Anwar Muhammad Ali, 2016). Namun begitu, kutipan yang tinggi bukan penanda aras kejayaan tetapi sejauh mana kesan pengagihan kepada penyelesaian masalah ekonomi terhadap masyarakat Islam secara keseluruhannya.

Pengagihan yang dilakukan sekarang di institusi zakat adalah bentuk sara diri dan produktif. Dalam pengagihan yang produktif dilihat dana zakat ini mampu menjadi pembiayaan awam kepada sesebuah negara apabila diuruskan dengan baik (Abdul Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi, 2006). Ini bagi memastikan kestabilan kepada asnaf terhadap sosial ekonomi mereka. Bagi memastikan asnaf betul-betul mampu menjanakan pendapatan sendiri dan mengeluarkan diri mereka daripada asnaf adalah agihan zakat dalam bentuk produktif yang merupakan bantuan modal perniagaan. Ia

disalurkan dalam bentuk tunai peralatan dan bimbingan. Ini bertujuan meningkatkan pendapatan golongan asnaf sekali gus memperbaiki taraf kehidupan mereka (Rosbi Abd.Rahman et al., 2008). Hal ini, mampu berubah status golongan menerima zakat kepada golongan mengeluarkan zakat (Yusuf al-Qardawi, 2003). Tindakan sedemikian sejajar dengan Khalifah Umar al-Khattab yang pernah menyuruh Sua'ah dengan berkata:

“Apabila mengagihkan zakat kepada orang-orang miskin, berilah dengan berlebihan agar mereka berpuas hati; ulangi memberikannya kepada mereka walaupun mereka mendapat seratus ekor unta” (Abu ‘Ubayd, 1981:502).

Pensyaratan agihan zakat kepada golongan yang berhak bermatlamatkan untuk membasmi kemiskinan (Yusuf al-Qaradawi, 2003). Agihan ini boleh disalurkan dalam bentuk zakat produktif. Untuk mencapai matlamat agihan zakat produktif antaranya memberikan bantuan modal tambahan seperti pembiayaan mikro. Bantuan ini dapat mengembangkan pengusahaan yang dijalankan.

Bantuan modal perniagaan yang disediakan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia adalah berbentuk “*one off*”³ iaitu diberikan secara percuma tanpa perlu dibayar semula (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Bagi usahawan selain asnaf mereka boleh memperoleh bantuan modal perniagaan daripada institusi kewangan dan bukan kewangan. Antara modal niaga yang popular disediakan oleh institusi kewangan ialah melalui skim pembiayaan mikro iaitu menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan kecil yang bermula daripada RM 1,000 sehingga RM 50,000 (Bank Negara Malaysia, 2015). Selain daripada institusi bukan kewangan, bantuan modal perniagaan turut disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Yayasan Tekun Nasional (TEKUN)

³ Bantuan modal ini diberikan sekitar RM 1,000 sehingga RM 5,000 oleh LZS kepada Usahawan Asnaf (LZS, 2017).

dan institusi-institusi zakat dan Baitul Mal di Malaysia (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015).

Pembiayaan mikro selalunya dilakukan pihak institusi kewangan atau bukan kewangan dibahagikan kepada dua jenis kaedah pembiayaan. Pertama, pembiayaan mikro secara Islam. Kedua, pembiayaan mikro secara konvensional. Perbezaan antara kedua-dua pembiayaan ini adalah pembiayaan konvensional berasaskan riba yang dikenakan faedah bagi setiap pembiayaan atau pinjaman yang diberikan (Raziah Md. Tahir, 2014).

Justeru, dalam syariat Islam membenarkan bermuamalat dalam pembiayaan mikro. Kontrak pembiayaan ini berlandaskan beberapa kontrak antaranya, *Musyarokat al-muntahiyat bil-tamlik*, *al-Ijarat al-muntahiyat bil-tamlik*, *qard al-hasan*, *murabahah* dan *mudarabah*. Kontrak tersebut merupakan cara pembiayaan bagi sesuatu perniagaan yang dijalankan (Husain Husain Syahatah, 2014).

Hal ini, menggambarkan zakat mempunyai suatu cara pemangkin kepada golongan usahawan asnaf untuk terus berjaya dengan pembiayaan mikro ini. Kesannya, kewujudan kestabilan ekonomi, peningkatan pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan (Patmawati Ibrahim, 2016). Selain itu, keberkesanan pembiayaan daripada dana zakat boleh menyokong kemampuan masyarakat Islam berdaya maju dalam mengukuhkan lagi sumber kewangan mereka (Patmawati Ibrahim, 2016).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kemiskinan yang berlaku di Malaysia berpunca daripada pengagihan kekayaan yang tidak seimbang. Ini kerana keutamaan pembiayaan diberikan kepada golongan yang kaya dalam urusan pembiayaan dan pinjaman daripada institusi kewangan. Hal ini,

disebabkan mereka dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh institusi kewangan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2008).

Sebaliknya, golongan yang miskin terus diabaikan. Mereka akan berhadapan dengan pelbagai rintangan untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan oleh institusi kewangan. Puncanya, golongan ini diabaikan adalah disebabkan tiada aset yang boleh dicagarkan sebagai jaminan sesuatu pembiayaan atau pinjaman (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Sedangkan usahawan kecil memerlukan modal permulaan bagi memulakan perniagaan. Pada peringkat yang seterusnya, mereka memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan usahawan mereka.

Terdapat institusi yang menyalurkan pembiayaan seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang memberikan bantuan modal daripada RM 5 000 sehingga RM 50,000 untuk pembiayaan kali pertama. Tetapi pembiayaan yang kurang daripada RM 5,000 ke bawah adalah perniagaan kecil-kecilan (Rosbi Abd.Rahman et al., 2008). Pembiayaan ini diberikan secara percuma tanpa perlu pembayaran balik.

Kaedah yang sama dijalankan di LZS dengan memberikan bantuan modal yang berjumlah RM 1,000 sehingga RM 5,000 (LZS, 2017). Hal ini terhasil disebabkan dana zakat yang diperoleh daripada kutipan amat memberangsangkan dengan peningkatan setiap tahun. Tetapi agihan zakat pula juga meningkat pada setiap tahun sehingga terjadi agihan melebihi daripada kutipan seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1.2:

Jadual 1.2: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat Harta dan Fitrah di Negeri Selangor

Tahun	Kutipan (RM)	Agihan (RM)	Peratusan Agihan
2011	393.4	330.4	16%
2012	451.3	371.7	18%
2013	517.3	4017	22%
2014	582.1	463.5	20%
2015	627.2	676.0	-8%
2016	673.7	697.5	-4%

Sumber diubahsuai daripada laporan Kutipan Zakat Harta dan Fitrah di Negeri Selangor, JAWHAR 2016

Berdasarkan kepada Jadual 1.2 mempamerkan kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor. Namun, pada tahun 2015 dan 2016 agihan melebihi daripada kutipan zakat. Jika terus berlaku perkara yang sama pada tahun-tahun ke hadapan bagaimana Lembaga Zakat Selangor menguruskan dana zakat untuk diberikan kepada asnaf yang semakin meningkat. Dijelaskan lebih kutipan selepas agihan pada tahun 2011 sebanyak 16%, tahun 2012 sebanyak 18%, tahun 2013 sebanyak 22%, tahun 2014 sebanyak 20%. Namun, pada tahun 2015 dan 2016 kutipan berkurangan daripada agihan sebanyak -8% dan pada tahun 2016 berkekurangan -4%. Justeru, apabila melihat agihan melebihi kutipan pada tahun 2015 dan 2016 agak merisaukan sehingga menjadi zakat tidak lagi *sustainable* untuk mengatasi masalah kemiskinan dalam kalangan asnaf disebabkan peningkatan pada agihan sedangkan kutipan tidak dapat mengatasinya. Oleh itu, perlu ada kaedah agihan yang lebih efektif bagi mengelak daripada lebih agihan daripada kutipan. Oleh itu, kaedah agihan dalam bentuk pembiayaan mikro untuk menggantikan bantuan modal adalah untuk memastikan keberkesanan zakat dalam membantu golongan Usahawan Asnaf. Apabila agihan diberikan secara pembiayaan mikro dana yang disalurkan akan didapati semula dan dana tersebut akan disalurkan kepada golongan yang memerlukan yang tertunda sebelum ini (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015).

Selain dari isu agihan, terdapat isu berkaitan ke tidak seimbangan sosial ekonomi antara orang kaya dan miskin. Hal ini, dilihat dengan kemiskinan yang berlaku di Malaysia

berpunca daripada pengagihan kekayaan yang tidak seimbang disebabkan keutamaan pembiayaan diberikan kepada golongan yang kaya dalam urusan pembiayaan dan pinjaman daripada institusi kewangan. Hal ini, mereka dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh institusi kewangan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2008).

Sebaliknya, mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan oleh institusi kewangan. Puncanya, golongan ini diabaikan disebabkan tiada aset yang boleh dicagarkan sebagai jaminan sesuatu pembiayaan atau pinjaman (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Sedangkan usahawan kecil memerlukan modal permulaan bagi memulakan perniagaan. Pada peringkat yang seterusnya, mereka memerlukan modal tambahan untuk mengembangkan usahawan mereka.

Apabila modal tambahan tidak diperoleh perniagaan yang dijalankan akan terbantut. Hal ini memberikan kesan kepada pendapatan mereka. Apabila pendapatan yang diperoleh tidak dapat menampung perbelanjaan isi rumah menyebabkan mereka terpaksa menutup perniagaan yang diusahakan. Hal ini sudah merugikan dana zakat yang disalurkan pada meningkat awal seperti dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memberikan bantuan modal daripada RM5,000 sehingga RM50,000 untuk pembiayaan kali pertama. Tetapi pembiayaan yang kurang daripada RM5,000 ke bawah adalah perniagaan kecil-kecilan. (Rosbi Abd.Rahman et al., 2008). Pembiayaan ini diberikan secara percuma tanpa perlu pembayaran balik.

Walaupun begitu, kebanyakan pembiayaan perniagaan tanpa bayaran semula seringkali berlaku kegagalan berbanding pembiayaan mikro (Rosbi Ab.Rahman et al., 2008). Punca kegagalan pembiayaan secara percuma disebabkan anggapan bahawa jika berlaku kerugian tidak menimbulkan sebarang masalah. Tiada cagaran aset yang dicagarkan akan hilang. Menjadikan mereka tiada komitmen untuk memajukan perniagaan dan

berakhir dengan kegagalan iaitu dengan kerugian (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015). Tambahan pula, mereka beranggapan pembiayaan daripada institusi zakat merupakan sumbangan ihsan kepada golongan asnaf (Rosbi Abd.Rahman et al., 2008). Terdapat fatwa negeri Selangor yang ingin melakukan perubahan pembiayaan kepada usahawan asnaf dalam bentuk bayaran semula. Perbincangan menjelaskan bahawa kaedah bantuan modal sedia ada tidak mencapai objektif pemberian bantuan modal dana perlu kepada pembaharuan kaedah agihan zakat produktif dengan membuat bayaran semula menggunakan kontrak qardu hassan (Fatwa Negeri Selangor, 2014).

Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh usahawan asnaf pada masa kini antaranya ketiadaan cagaran dan jaminan bagi memenuhi syarat pembiayaan daripada institusi pembiayaan (Jumaat Abd Meon et al., 2012). Sedangkan institusi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) memerlukan cagaran bagi mengeluarkan pembiayaan kepada usahawan-usahawan yang memerlukan (Majlis Amanah Rakyat, 2016). Namun, rata-rata usahawan asnaf merupakan perniagaan yang kecil serta tidak mempunyai aset dan pengurusan kewangan yang lengkap untuk melakukan cagaran. Selain itu, persepsi sering kali negatif terhadap usahawan mikro oleh kebanyakan institusi kewangan yang enggan menjadikan pembiayaan berbentuk ekuiti terhadap mereka. Pihak institusi kewangan juga sering beranggapan usahawan mikro sebagai peminjam yang berisiko. Pada kebanyakan pinjaman yang disalurkan kepada usahawan-usahawan tersebut berlaku sukar untuk pembayaran semula berbanding perusahaan besar yang menjamin pembayaran balik (Zuhaira Samsudin dan Ab Mumin Ab Ghani, 2015).

Hal ini, menunjukkan bahawa berlaku kesulitan kepada usahawan asnaf untuk mendapatkan pembiayaan mikro daripada institusi kewangan (Patmawati Ibrahim, 2016; Jumaat Abd Meon et al., 2012). Sedangkan, pengabaian kepada golongan asnaf berkemungkinan akan menjadi asnaf penerima zakat. Walhal, golongan tersebut

berpotensi untuk menjadi pembayar zakat sekiranya mendapat kemudahan bantuan modal (Sanep Ahmad, 2009).

Ruang yang sempit dalam mendapatkan pembiayaan kerana penawaran pembiayaan kebanyakan berunsurkan riba. Sedangkan usahawan asnaf adalah daripada kalangan umat Islam. Ia sudah jelas bahawa haram dalam pembiayaan tersebut. Maka, pinjaman yang paling sesuai ialah zakat bagi menghindari unsur riba (Yusuf Qardawi, 2003).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa golongan miskin dipinggirkan dalam kewangan sistem yang menyebabkan kegagalan dalam bersama-sama terlibat proses pembangunan (Mohd Saifoul Zamzuri, Noor Siti Hadijah Che Mat Roslan dan Abdul-Hakim, 2013). Justeru, dengan adanya perusahaan mikro atau kecil adalah kaedah bagi mengatasi masalah kemiskinan ini. Hal ini, telah terbukti dijalankan di negara-negara miskin (Patmawati Ibrahim dan Ruziah Ghazali, 2014). Namun, yang pastinya adalah kejayaan ini bermula dengan adanya pembiayaan mikro yang mempunyai potensi bagi meningkatkan ekonomi dan tanggungjawab sosial dengan memberikan peluang kewangan kepada golongan yang memerlukan.

Oleh itu, halangan terpaksa ditempuhi apabila ingin mendapatkan pembiayaan. Ini kerana pembiayaan mikro konvensional akan memberikan dua kesukaran kepada usahawan asnaf. Pertama, mesti mempunyai harta cagaran yang pasti tidak mampu di atasi. Kedua, sistem pembiayaan berasaskan riba yang ditegah oleh syariat (Patmawati Ibrahim dan Ruziah Ghazali, 2014). Maka, atas dasar tersebut perlu adanya alternatif bagi mereka untuk mendapatkan pembiayaan mikro yang mudah dimohon dan tidak menyalahi syarak

Merujuk kepada beberapa isu-isu yang telah dikemukakan, maka ada tiga persoalan utama yang mesti dijawab dalam tesis ini. Pertama, apakah pandangan cendekiawan di

Malaysia terhadap pembiayaan mikro daripada dana zakat? Bagaimanakah kesediaan usahawan asnaf dan Lembaga Zakat Selangor terhadap pembiayaan mikro daripada dana zakat? Bagaimanakah mekanisme pelaksana pembiayaan mikro tersebut ?

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada huraian masalah yang telah disebut di atas, maka kajian ini akan meneliti persoalan-persoalan berikut:-

- i. Apakah pandangan cendekiawan terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS)?
- ii. Bagaimanakah kesediaan usahawan asnaf dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terhadap agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro?
- iii. Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS)?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab tiga persoalan di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS). Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Mengenal pasti pandangan cendekiawan zakat Malaysia terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS).
- ii. Menganalisis kesediaan usahawan asnaf dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terhadap agihan zakat dalam bentuk pembiayaan mikro.
- iii. Mengenal pasti mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf di Lembaga Zakat Selangor (LZS).

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Terdapat tiga kata kunci utama dalam kajian ini. Kata kunci tersebut terdiri daripada pembiayaan mikro, usahawan asnaf dan dana zakat. Setiap kata kunci tersebut diperjelaskan definisi operasional mengikut maksud yang dipakai dalam kajian ini. Penjelasan ketiga-tiga definisi operasional adalah seperti berikut:

1.6.1 Pembiayaan Mikro

Pembiayaan mikro merupakan pembiayaan untuk perniagaan kecil-kecilan dan jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM1,000 hingga RM50,000 bagi membiayai sesuatu perniagaan. Ia diberikan bagi tujuan modal pusingan dan pembelian aset untuk perniagaan bukanlah sebagai pembiayaan peribadi (Bank Negara Malaysia, 2014). Pembiayaan mikro ini diagihkan bagi perniagaan sahaja untuk modal pusingan dan pembelian aset tetap. Tetapi pembiayaan ini bukan untuk pembiayaan individu. Definisi pembiayaan mikro dalam kajian ini adalah pembiayaan perniagaan kepada usahawan

asnaf sama ada dalam bentuk kredit, peralatan dan sokongan bagi membantu perniagaan atau perusahaan kecil-kecilan bagi mengembangkan perniagaan.

1.6.2 Usahawan Asnaf

Usahawan adalah dimaksudkan sebagai orang yang melakukan perniagaan atau orang yang sanggup menerima risiko dalam bidang yang diceburi. Selain itu, menurut Kamus Dewan (1984), usahawan berasal daripada perkataan usaha. Usaha yang dimaksudkan ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan perbuatan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu. Menurut Peter Drucker (1996), yang bergelar "bapa pengurusan" di negara barat mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang berupaya memindahkan sumber ekonomi daripada sektor yang kurang daya produktiviti kepada sektor yang lebih tinggi daya produktiviti.

Usahawan pula dibagikan kepada dua golongan iaitu usahawan operan dan usahawan responden. Usahawan Operan merupakan peniaga yang mendapat dorongan untuk menceburi sesuatu bidang. Manakala, usahawan responden adalah peniaga yang menceburi bidang itu berdasarkan minat dan kemahuan serta sanggup menerima risiko (Ahmad Berek, 1976).

Asnaf adalah lapan golongan yang wajib mendapat zakat seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an iaitu fakir, miskin, 'amil zakat, orang yang cenderung kepada Islam, hamba, orang yang berhutang, orang yang berjihad fisabillah dan Ibn sabil (Muhammad 'iwaz Haykal, 2007). Namun, perbincangan asnaf dalam kajian ini tertumpu kepada golongan fakir dan miskin. Tambahan lagi golongan tersebut mesti lah menghadiri kursus anjuran LZS seperti kursus asas usahawan atau pra kelulusan modal dan kursus lanjutan (Lembaga Zakat Selangor, 2016).

Manakala, definisi usahawan asnaf dalam kajian ini adalah golongan yang menceburi bidang kegiatan sumber ekonomi yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin yang telah menghadirkan diri kursus keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak LZS.

1.6.3 Dana Zakat

Dana merupakan satu kumpulan wang yang digunakan bagi membantu kepada sesiapa yang diperlukan (Kamus Dewan Bahasa, 2015).

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib bagi setiap umat Islam melaksanakannya. Menurut Mustafa al-Khin & Musstafa al-Bugha (1992), zakat diambil daripada perkataan *zakaṭ* yakni sesuatu yang menyucikan dan bertambah. Zakat dari sudut istilah ialah mengambil sesuatu yang khusus, daripada harta yang tertentu, sifat-sifatnya yang tertentu dan diagihkan kepada kumpulan yang tertentu (Abi Hasan Ali al-Basri, 1994).

Menurut Wahairi Mahmud (1995), kalimah zakat memberikan pelbagai definisi yang berbeza antaranya, suci, rahmat, berkembang, subur, pintar, bertambah, baik, sedekah dan terpuji, tetapi zakat itu sendiri lebih bermaksud harta. Ini kerana, konsep penyucian harta tersebut dengan mengeluarkan zakat supaya memberikan impak kepada orang yang mengeluarkan harta atau zakat tersebut dapat menyucikan hati-hati mereka (Wahairi Mahmud, 1991). Selain itu, zakat ialah menyucikan lebih daripada harta yang dimiliki dengan cara mengagihkan harta itu (Muhammad Amin al-Zonnani, 1997).

Zakat yang disepakati oleh para ulama ialah zakat pertanian, zakat emas dan perak, zakat ternakan, zakat harta perniagaan, zakat daripada sumber bumi (Wahabat al-Zuhayly, 1985:740). Terdapat penjelasan yang lain, Harta yang dikenakan zakat merupakan binatang ternakan, benda yang bernilai, pertanian dan buah-buah serta barang

perniagaan (Abi Syuja', 2010). Selain itu, zakat adalah harta yang dikeluarkan daripada hasil yang diperoleh daripada pelbagai sumber sama ada daripada perniagaan, hasil bumi, penternakan dan pertanian (Muhammad al-Ghazaly, 1997).

Dalam definisi yang lain, zakat adalah harta yang dikeluarkan apabila mencapai nisabnya pada kadar tertentu (Qutub Mustafa, 2006). Zakat juga merupakan pemindahan hak milik daripada sebahagian harta kepada orang yang tertentu bagi beroleh keredaan Allah SWT dan menyucikan harta serta jiwa (Husain Hussain Syahatah, 1990).

Zakat turut didefinisikan sebagai bayaran yang dikenakan pada harta tertentu dengan kadar tertentu apabila mencukupi haul dan nisab. Harta zakat diagihkan kepada lapan golongan yang dijelaskan dalam al-Qur'an (Muhammad Kamal Atiyah, 1988). Zakat yang dikeluarkan berbeza kadarnya. Ia diuruskan oleh amil yang telah ditetapkan dalam al-Qur'an pada surah at-Taubah:60.

Oleh itu, definisi operasional pada kata kunci dana zakat ini adalah wang zakat dikumpul hasil kutipan daripada individu atau organisasi untuk diberikan kepada lapan golongan asnaf berdasarkan keperluan dan hajat mereka.

1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf daripada dana zakat. Namun, untuk menjadikan kajian ini lebih terfokus, terdapat tiga batasan kajian dikemukakan seperti berikut:

- i. Batasan lokasi: Kajian ini tertumpu kepada Lembaga Zakat Selangor dan usahawan asnaf di negeri Selangor.

- ii. Batasan unit analisis: Kajian ini menganalisis pembiayaan mikro daripada dana zakat kepada usahawan asnaf di Selangor. Selain itu, merumuskan mekanisme pelaksanaan pembiayaan tersebut.
- iii. Batasan responden: Responden dalam kajian ini dibahagikan kepada dua. Pertama, empat Tokoh Agama, enam Ahli Akademik dan empat orang Pengamal Zakat di LZS. Kedua, 20 orang responden daripada golongan usahawan asnaf di negeri Selangor. Huraian lanjut berkaitan justifikasi pemilihan responden akan dibincangkan di bab yang ketiga.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting untuk dijalankan kerana sebab-sebab berikut :

- i. Kajian-kajian lepas banyak membincangkan agihan zakat kepada asnaf tanpa melihat dari sudut yang jauh untuk memajukan mereka. Manakala kajian agihan zakat berbentuk produktif amat kurang dijalankan penyelidikan. Begitu juga dengan kajian agihan zakat berbentuk pembiayaan mikro. Kajian yang dijalankan masih kurang mendalam untuk dilaksanakan di Malaysia.
- ii. Sungguhpun terdapat kajian tentang agihan zakat berbentuk pembiayaan mikro, contohnya kelestarian pengagihan dana zakat di Baitul Mal Aceh oleh Zahri Hamat (2010), penjanaaan semula ekonomi asnaf sebagai perniagaan sosial oleh Najwa Mohd khalil, Hairunizam Wahid dan Sanep Ahmad (2013), dan mikro kredit daripada dana zakat di Baitu Mal Acheh dan pontensi pelaksanaanya di institusi-institusi zakat di Malaysia oleh Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015). Walau bagaimanapun, terdapat

perbezaan perbincangan dalam kajian ini. Kajian ini membahaskan pandangan cendekiawan zakat terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di LZS dan menganalisis kesediaan serta mekanisme yang sesuai dalam pelaksanaan pembiayaan tersebut.

- iii. Usahawan kecil atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah penyumbang kepada pendapatan negara dan memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Salah satu daripada golongan IKS ini terdiri daripada usahawan asnaf. Namun, perkembangan usahawan yang dilakukan akan menjadi terbantut apabila susah mendapatkan pembiayaan mikro. Oleh itu, kajian ini amat penting untuk dijalankan bagi membuka alternatif institusi yang mampu menyediakan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf bagi mengembangkan lagi keusahawanan mereka.

Kepentingan kajian yang dijelaskan merupakan justifikasi kepada perlunya kajian ini secara mendalam. Namun, setakat penyelidikan ini tidak terdapat kajian yang memfokuskan kepada pembiayaan mikro daripada dana zakat di LZS. Selain itu, pembiayaan ini perlu kepada mekanisme pelaksanaan yang selari dengan muamalat Islam. Justeru, masih kurang kajian tentang mekanisme pelaksanaan pembiayaan ini. Maka, betapa pentingnya kajian ini perlu dijalankan bagi mencapai matlamat pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf. Ia memberikan impak yang besar kepada asnaf untuk mengeluarkan mereka daripada kelompok asnaf kepada golongan pengeluar zakat.

1.9 ORGANISASI TESIS

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama menjelaskan tentang pengenalan kajian. Ia membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan organisasi tesis.

Bab kedua pula membincangkan tentang sorotan karya berkaitan dengan kajian. Bab ini penting bagi menyorot tulisan lepas untuk diguna pakai dalam analisis di bab empat, lima dan enam. Selain itu, satu kerangka konseptual kajian turut dibentuk berdasarkan kepada sorotan karya.

Seterusnya, bab ketiga membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini dipecahkan kepada tiga pembahasan. Pertama, reka bentuk kajian. Kedua, kaedah pengumpulan data. Ketiga, kaedah analisis data dan prosedur kaedah penyelidikan.

Analisis dapatan kajian dibincangkan dalam bab keempat hingga keenam. Bab keempat bertujuan mencapai objektif pertama iaitu mengenal pasti pandangan cendekiawan terhadap pembiayaan mikro dalam kalangan usahawan asnaf di LZS.

Bab kelima bertujuan mencapai objektif kedua iaitu menganalisis hujah-hujah kesediaan usahawan asnaf dan LZS dalam agihan zakat berbentuk pembiayaan mikro. Bab ini diperoleh berdasarkan kajian lapangan terhadap responden daripada kalangan usahawan asnaf dan LZS.

Bab keenam pula bertujuan mencapai objektif ketiga iaitu merumuskan mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kepada usahawan asnaf di LZS. Bab ini membincangkan

pandangan para responden yang terdiri daripada Tokoh Agama, Ahli Akademik dan Pengamal Zakat dalam mekanisme pembiayaan mikro terhadap usahawan asnaf daripada dana zakat.

Akhirnya, bab ketujuh adalah rumusan daripada keseluruhan kajian. Bab ini memperincikan rumusan dapatan kajian, implikasi kajian, sumbangan kajian dan cadangan kajian masa hadapan.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Bab kedua ini membincangkan sorotan karya berkaitan subjek kajian ini. Penelitian kepada sorotan karya dalam dua aspek. Pertama, melihat kepada kelompangan kajian yang perlu di isi oleh kajian ini. Kedua, mengetahui isu-isu yang menjadi perbincangan penting dalam bidang kajian ini. Seterusnya, dapat membina kerangka konseptual kajian.

2.2 SOROTAN KARYA

Sorotan karya-karya terdahulu ini terbahagi kepada lapan perbincangan. Definisi pembangunan, pembasmian kemiskinan, zakat sebagai alat membasmi kemiskinan, program usahawan asnaf, golongan yang menerima zakat, agihan zakat secara sara hidup, agihan zakat produktif, maqasid syariah dalam pembiayaan mikro kredit dan kaedah pembiayaan. Perbincangan ini bertujuan mengupas tentang justifikasi kepada perlunya kajian mengenai pembiayaan mikro daripada dana zakat secara mendalam

2.2.1 Definisi Pembangunan

Definisi kepada pembangunan membawa kepada pengertian yang pelbagai dan meluas. Ini berikutan pengertian itu bersandarkan kepada bidang yang dibincangkan (Hamidah Ab Rahman et al., 2016). Oleh itu, terdapat perbincangan berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan sosial. Ada juga berkaitan perbincangan berkaitan pembangunan dari perseptif politik.

Walau bagaimanapun, dalam sub bab ini lebih tertumpu kepada pendefinisian kepada pembangunan dari persektif ekonomi dan sosial. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2001), pengertian kepada pembangunan sentiasa berlaku perubahan kerana berkembang mengikut masa. Sebagai contoh, pada abad ke-19 pembangunan didefinisikan sebagai kemajuan (Chodak, 1973). Manakala, pada abad awal ke 20 berlaku perubahan pendefinisian kepada perubahan sosial (Coser, 1967).

Namun, menurut Sunkel (1977), selepas berlakunya peperangan dunia kedua ketika tahun 1950-an, pembangunan lebih diertikan sebagai pertumbuhan ekonomi, perindustrian dan modenisasi. Kini, definisi kepada pembangunan akan diperluaskan berdasar pengedaran zaman (Muhammad Syukri Salleh, 2001; UNDP, 1990).

Mendefinisikan pembangunan secara amnya lebih membawa kepada konotasi yang positif bagi melihat perkembangan kemajuan dan penambahbaikan taraf kehidupan (Nik Mustapha Nik Hassan, 2007). Menurut Pembangunan bermaksud membawa perubahan kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik (Meier, 1984). Selain itu, Umer Chapra (2008), menjelaskan pembangunan didefinisikan sebagai kesejahteraan dan ketamadunan bagi sesuatu negara atau masyarakat.

Menurut Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2007), pendefinisian yang menyeluruh dan ringkas bagi pembangunan lebih membawa kepada pembangunan fizikal dan material. Hal yang sama dijelaskan oleh Hailani Muji Tahir (1990), bahawa pembangunan fizikal lebih kepada kemajuan ekonomi. Namun beliau lebih melihat kepada sudut penjanaan ekonomi itu sebagai ibadah. Ini kerana, menjalankan kegiatan ekonomi berlandaskan kepada syariat dan keikhlasan akan memperoleh ganjaran daripada Allah S.W.T. Oleh itu, setiap perubahan yang berlaku kepada sesuatu yang penambahbaikan dari perbagai sudut bagi kebaikan untuk manusia di istilah sebagai pembangunan.

Penyelidik juga, melihat kepada definisi pembangunan dari sudut pembangunan berteraskan Islam. Hal ni, sebagai melihat kepada relevannya menggunakan zakat sebagai mekanisme pembangunan ekonomi (Patmawati Ibrahim dan Ruziah Ghazali, 2014).

Menurut Wan Norhaniza Wan Hasan (2014), definisi kepada pembangunan berteraskan Islam dipecahkan kepada tiga kelompok. Pertama, kelompok yang mendefinisikan sebagai pembangunan bersifat kepada fizikal. Kedua, kelompok yang cenderung mendefinisikan kepada pembangunan bersifat kerohanian. Ketiga, kelompok yang mengambil secara menyeluruh iaitu menggabung istilah pembangunan rohani dan fizikal. Namun begitu, terdapat tiga kelompok dalam mendefinisikan pembangunan berteraskan Islam (PBI) tetap berada dalam radar syariat Islam (Wan Norhaniza Wan Hasan, 2014).

Pandangan Hailani Muji Tahir (1991), menjelaskan PBI dapat ditonjolkan dari sudut fizikal melalui perkembangan pelaksanaan yang tersusun dan pembangunan ekonomi. Bagi Nailul Murad Mohd Nor dan Hanapi Md Noor (2000), pembangunan ekonomi itu dilakukan oleh pelaku ekonomi iaitu manusia, maka penerapan nilai kerohanian perlu dititikberatkannya. Dikatakan sebagai nilai kerohanian ini adalah bersifat kepada pengabdian diri kepada Allah S.W.T (Mansor Ahmad Saman, 1996).

Namun begitu, melihat kepada gabungan istilah pembangunan iaitu fizikal dan kerohanian adalah berkait rapat (Nailul Murad Mohd Nor dan Hanapi Md Noor, 2000). Ia dipamerkan melalui kesempurnaan akal dan fikir adalah lahir daripada kerohanian yang jitu.

Secara kesimpulannya, dapat dijelaskan di sini bahawa definisi pembangunan adalah cukup meluas berdasarkan kepada sesuatu perkara yang bersandarkan kepadanya. Namun begitu, penyelidik lebih cenderung dalam kajian kepada pembangunan ekonomi